

(16 Disember 2020) Sinar, p.14

Kes positif kekal empat angka

Malaysia catat 1,772 kes baharu, tiga kematian pada Selasa

KUALA LUMPUR

Kes harian positif Covid-19 dalam negara terus mencatat empat angka dengan 1,772 kes direkodkan pada Selasa menjadikan kumulatif 86,618 kes setakat ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga 12 jam tengah hari semalam, sejumlah 1,084 kes sembuh dilaporkan menjadikan kumulatif 71,681 kes sudah pulih sepenuhnya atau 82.8 peratus daripada keseluruhan kes.

Menurutnya, tiga kematian baharu dilaporkan kesemuanya di Sandakan, Sabah menjadikan jumlah kematian sehingga kini kepada 422 orang iaitu 0.49 peratus daripada jumlah keseluruhan.

"Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat 12 kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara, manakala penularan Covid-19 dalam negara pula adalah sebanyak 1,760 kes," katanya dalam kenyataan mengenai Covid-19 di sini pada Selasa.

Beliau berkata, daripada jumlah kes baharu itu, Kuala Lumpur mencatatkan kes harian tertinggi iaitu 696 kes (39.3 peratus) di mana 567 kes (81.5 peratus) adalah berpunca daripada saringan Kluster Tapak Bina Damanlela yang melibatkan generasi kelima dan ke-



Suasana lengang di sebuah pusat beli-belah di Kuantan, Pahang pada Selasa. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Pahang memaklumkan agar semua pihak mengehadkan pergerakan keluar rumah berdasarkan situasi semasa yang menyaksikan empat kluster Covid-19 masih aktif di Kuantan.

nam.

Dr Noor Hisham berkata, kes kedua tertinggi adalah di Selangor dengan 503 kes (28.4 peratus) dan diikuti Sabah sebanyak 260 kes (14.7 peratus).

Beliau berkata, daripada 696 kes yang dilaporkan di Kuala Lumpur, 629 kes adalah daripada kluster sedia ada, 31 kes daripada saringan kontak rapat kes positif, lapan kes import dari

luar negara dan 28 kes daripada lain-lain saringan Covid-19.


Kes baharu di negeri lain ialah di Perak sebanyak 110 kes, Negeri Sembilan (67), Johor (48), Pulau Pinang (34), Kedah (20), Labuan (11), Pahang (8), Terengganu (7), Melaka (5), Kelantan (3) dan tiada kes baharu dilaporkan di Sarawak, Putrajaya dan Perlis.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, pada masa ini terdapat 118 kes positif Covid-19 yang sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 56 memerlukan bantuan pernafasan.

Beliau berkata, tiga kematian semalam melibatkan seorang wanita berusia 45 tahun, dua lelaki masing-masing berusia 75 dan 88 tahun di Hospital Duchess of Kent, Sandakan. - Bernama


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 15 Disember 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 84,846 kes kepada 86,618 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI									
JUMLAH KESELURUHAN:	86,618	PULIH:	71,681	ICU:	118	KEMATIAN:	422	KES BAHARU:	+1,772

